



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 71 / 2020

URUSAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.054 GERIK, PERAK DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.66 BUGAYA, SABAH

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham **YB Dato' Hasbullah bin Osman** atas kembalinya Allahyarham ke rahmahtullah pada **16 November 2020 (Isnin)** dan keluarga Allahyarhamah **YB Puan Manis Muka binti Mohd. Darah** yang meninggal dunia pada **17 November 2020 (Selasa)**.
2. Sehubungan dengan itu, SPR telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini dan menetapkan bahawa Pilihan Raya Kecil (PRK) perlu diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan selaras dengan **Perkara 54 Fasal (1) Perlembagaan Persekutuan** dan **Artikel 21 (5) Perlembagaan Negeri Sabah** bagi mengisi kekosongan di kerusi-kerusi berkenaan.

A. PRK PARLIMEN P.054 GERIK, PERAK

3. Bagi maksud menjalankan **PRK Parlimen P.054 Gerik, Perak**, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti yang berikut :

Hari Penamaan Calon : 4 Januari 2021 (Isnin)

Hari Mengundi Awal : 12 Januari 2021 (Selasa)

Hari Mengundi : 16 Januari 2021 (Sabtu)

4. Bagi urusan permohonan undi pos luar negara dan dalam negara, tarikh buka dan tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut :

Tarikh Buka : 27 November 2020 (Jumaat)

Tarikh Tutup Borang 1A : 30 Disember 2020 (Rabu)

(Petugas Pilihan Raya, Anggota Polis,
Anggota Tentera, dan Petugas Media)

Tarikh Tutup Borang 1B : 24 Disember 2020 (Khamis)

(Luar Negara)

Tarikh Tutup Borang 1C : 24 Disember 2020 (Khamis)

(Sektor Keselamatan & Kesihatan)

5. Bagi proses Pilihan Raya Kecil ini, SPR telah melantik **Encik Meor Shahibul Fadilah bin Zainuddin, Pegawai Daerah Hulu Perak dari Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak** dilantik sebagai **Pegawai Pengurus Pilihan Raya Kecil Parlimen P.054 Gerik Perak** dan dibantu oleh **enam (6) orang Penolong Pegawai Pengurus**.
6. SPR juga bersetuju menubuhkan **Tiga (3) Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** untuk memantau semua aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen. Pasukan PP-KPR ini akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil-wakil calon yang bertanding.
7. SPR akan menggunakan **Dewan Serbaguna Majlis Daerah Gerik** sebagai **Pusat Penamaan Calon (PPC)** dan **Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)**.
8. Seramai **1,309 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses PRK Parlimen P.054 Gerik, Perak. Manakala sebanyak **23 buah Pusat Mengundi** yang mengandungi kesemuanya **81 saluran** dan **lima (5) buah pusat mengundi awal** bagi pengundian yang mengandungi **tujuh (7) tempat mengundi awal (saluran)** akan digunakan.

PRK ini dianggarkan memerlukan peruntukan sebanyak **RM5.8juta**.

9. **Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR)** yang akan digunakan untuk PRK Parlimen P.054 Gerik, Perak ini adalah **Daftar Pemilih terkini sehingga ST3/2020** yang dikemaskini pada **17 November 2020**. DPPR tersebut mengandungi **36,750 orang pengundi** yang terdiri daripada **33,675 orang pengundi biasa, 2,111 orang tentera serta pasangan, 959 orang polis serta pasangan Polis Pasukan Gerakan Am (PGA) dan 5 Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara.**

B. PRK DUN N.66 BUGAYA, SABAH

10. Bagi maksud menjalankan **PRK DUN N.66 Bugaya, Sabah** pula, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti yang berikut :

Hari Penamaan Calon : 4 Januari 2021 (Isnin)

Hari Mengundi Awal : 12 Januari 2021 (Selasa)

Hari Mengundi : 16 Januari 2021 (Sabtu)

11. Bagi urusan permohonan undi pos luar negara dan dalam negara, tarikh buka dan tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut :

Tarikh Buka : 27 November 2020 (Jumaat)

Tarikh Tutup Borang 1A : 30 Disember 2020 (Rabu)

(Petugas Pilihan Raya, Anggota Polis,
Anggota Tentera, dan Petugas Media)

Tarikh Tutup Borang 1B : 24 Disember 2020 (Khamis)

(Luar Negara)

Tarikh Tutup Borang 1C : 24 Disember 2020 (Khamis)

(Sektor Keselamatan & Kesihatan)

12. Bagi proses Pilihan Raya Kecil ini, SPR telah melantik **Encik Benedict bin Asmat, Pegawai Daerah Semporna dari Pejabat Daerah Semporna** dilantik sebagai **Pegawai Pengurus Pilihan Raya Kecil DUN N.66 Bugaya, Sabah.** dan dibantu oleh **tiga (3) orang Penolong Pegawai Pengurus.**

13. SPR juga bersetuju menubuhkan **satu (1) Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** untuk memantau semua aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen. Pasukan PP-KPR ini akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil-wakil calon yang bertanding.

14. SPR akan menggunakan **Dewan Masyarakat Semporna** sebagai **Pusat Penamaan Calon (PPC)** dan **Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU).**

15. Seramai **544 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses PRK DUN N.66 Bugaya, Sabah. Manakala sebanyak **9 buah Pusat Mengundi** yang mengandungi kesemuanya **46 saluran** dan **dua (2) buah pusat mengundi awal** bagi pengundian yang mengandungi

dua (2) tempat mengundi awal (saluran) akan digunakan. PRK ini dianggarkan memerlukan peruntukan sebanyak **RM4.7juta**.

16. **Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR)** yang akan digunakan untuk PRK DUN N.66 Bugaya, Sabah ini adalah **Daftar Pemilih terkini sehingga ST3/2020** yang dikemaskini pada **22 November 2020**. DPPR tersebut mengandungi **21,618 orang pengundi** yang terdiri daripada **21,181 orang pengundi biasa** dan **437 orang anggota polis**.

C. HAL-HAL LAIN

17. Kedua-dua DPPR tersebut akan mula dijual pada **16 Disember 2020**. Mulai tarikh **16 Disember 2020 (Rabu)**, para pengundi juga boleh membuat **semakan Daftar Pemilih** untuk mengetahui maklumat pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan mereka melalui laman portal SPR **pengundi.spr.gov.my** atau menelefon ke talian **03-88927018** atau melalui **SMS 15888** atau melalui aplikasi **MySPR Semak**.

18. Bagi pelaksanaan kedua-dua PRK ini, SPR akan mengguna pakai **Garis Panduan Pencegahan COVID-19 Bagi Pelaksanaan Pilihan Raya** yang telah digunakan semasa PRU DUN Sabah Ke-12 dengan beberapa penamnbahbaikan. Semua **aktiviti berkempen berbentuk ceramah/syarahan/kempen ziarah rumah ke rumah/ *walkabout*/pengedaran pamplet secara bersemuka adalah tidak dibenarkan**. Calon adalah digalakkan berkempen menggunakan saluran media sosial. Calon dibenarkan untuk memasang *banner/bunting* di dalam kawasan pilihan raya. Petugas parti/calon perlu mengelakkan pertembungan semasa pemasangan bunting / banner bagi mengekalkan penjarakan fizikal.
19. **Aktiviti berkempen menggunakan kenderaan yang dipasang dengan alat pembesar suara adalah dibenarkan pada waktu yang munasabah**. Namun ia tidak boleh menyebabkan berlaku perkumpulan/ perhimpunan penyokong.
20. Tempoh berkempen yang ditetapkan adalah **12 hari** bermula selepas pengisytiharan calon-calon yang bertanding sehingga pukul **11.59 malam, 15 Januari 2021 (Jumaat)**.

21. SPR mensasarkan **70 peratus pengundi** akan keluar mengundi. SPR juga memohon kerjasama semua pihak termasuk pihak media dan parti-parti politik agar turut mengambil langkah untuk menyeru dan menggalakkan pengundi supaya keluar mengundi.

22. Semua pihak terlibat juga diseru supaya mematuhi garis panduan yang telah dikeluarkan bagi memastikan PRK ini berjalan lancar di samping memastikan tiadanya kluster baharu COVID-19 wujud.

23. Maklumat-maklumat lain berhubung dengan pilihan raya kecil ini, akan dimaklumkan dari semasa ke semasa oleh SPR.

Sekian dan terima kasih.

DATUK ABDUL GHANI SALLEH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 27 November 2020 / 11 Rabiulakhir 1442H